

Kesiediaan Guru Pendidikan Khas dalam Melaksanakan Mata Pelajaran Asas Tanaman

Nurul Farahah Derapa, Suziyani Mohamed

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: nurulfarahahderapa@gmail.com

Abstrak: Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSM PK) dilaksanakan awal tahun 2017. Mata pelajaran Asas Tanaman adalah satu daripada tujuh mata pelajaran yang terdapat di dalam Kemahiran Asas Vokasional. Terdapat tiga objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti kesiediaan guru dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam melaksanakan pengajaran Asas Tanaman, mengenal pasti perbezaan pengetahuan guru dalam melaksanakan pengajaran Asas Tanaman berdasarkan kehadiran kursus Asas Tanaman serta mengenal pasti perbezaan kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran Asas Tanaman berdasarkan pengalaman mengajar Kemahiran Hidup Pertanian. Kajian tinjauan pendekatan kuantitatif ini melibatkan 60 orang guru yang dipilih dalam kalangan guru pendidikan khas yang mengajar mata pelajaran Asas Tanaman di Program Pendidikan Khas Integrasi. Data dikumpulkan menggunakan satu set soal selidik yang mengandungi 49 item. Soal selidik tersebut dibina berdasarkan skala likert lima mata. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS. Analisis statistik deskriptif dan inferensi digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan berdasarkan persoalan kajian. Hasil keseluruhan dapatan kajian mendapati tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap adalah tinggi (Min = 4.11) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran Asas Tanaman berdasarkan pengalaman mengajar Kemahiran Hidup Pertanian ($p > 0.05$). Terdapat perbezaan yang signifikan bagi kesiediaan pengetahuan guru berdasarkan kehadiran kursus Asas Tanaman ($p < 0.05$). Kajian ini dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyediakan kursus latihan kepada guru untuk menambahkan pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan pengajaran Asas Tanaman. Pelaksanaan pengajaran Asas Tanaman yang berkesan dapat melahirkan murid berkeperluan khas masalah pembelajaran yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertanian.

Kata kunci: KSSM Pendidikan Khas, Asas Tanaman, Program Pendidikan Khas Integrasi, Pengetahuan guru, Sikap guru, Kemahiran guru

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Pendidikan Khas diperkenalkan pada tahun 2017 bagi mengambil kira pendidikan yang sesuai dan relevan dengan ketidakupayaan yang dialami oleh murid Berkeperluan Khas (MBK). Kurikulum ini menyediakan peluang untuk MBK mempelajari dan menguasai pengetahuan dan kemahiran vokasional serta menyediakan mereka ke arah transisi kerjaya. Dalam kurikulum ini terdapat Kemahiran Asas Vokasional yang disediakan untuk MBK berkefungsi sederhana di tingkatan satu di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Terdapat tujuh mata pelajaran dalam Kemahiran Asas Vokasional antaranya ialah Asas Masakan, Asas Jahitan, Asas Tanaman, Asas Akuakultur, Asas Multimedia, Asas Refleksologi dan Asas Pembuatan Perabot. Sekolah boleh memilih untuk melaksanakan salah satu atau kedua-dua mata pelajaran tersebut. Dalam kajian ini mata pelajaran Asas Tanaman (AT) dipilih oleh pengkaji untuk melaksanakan kajian berdasarkan objektif yang telah ditentukan. Antara objektif utama AT ialah untuk melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam Asas Tanaman serta memberi peluang kerjaya kepada mereka. Murid yang berjaya menghabiskan modul sehingga tingkatan lima akan diberikan Sijil Kemahiran Malaysia apabila tamat dalam persekolahan. Sijil kemahiran ini sangat penting dan

berguna kepada murid untuk bersaing dengan dunia luar dalam mendapatkan tempat di alam pekerjaan. Oleh itu kelangsungan pengajaran Asas Tanaman ini perlu dipastikan agar tiada masalah dalam memastikan objektif yang digariskan dapat dicapai dan memberi manfaat kepada MBK masalah pembelajaran.

Pengetahuan dan sikap yang tinggi sangat penting bagi seseorang guru dalam memastikan pengajaran berjalan dengan lancar dan dapat memberi kesan yang baik kepada murid. Hal ini disokong oleh Norshidah Mohd Salleh, Aliza Alias & Zalizan Mohd Jelas (2012) yang menyatakan guru perlu mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang tinggi supaya dapat membantu murid MBK masalah pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran semasa di sekolah. Strategi yang sesuai perlu digunakan bagi menarik minat murid dan membantu mereka menguasai dalam mata pelajaran Asas Tanaman. Seseorang murid yang menunjukkan minat sewaktu proses pembelajaran akan mempengaruhi pencapaian terhadap penguasaan mata pelajaran tersebut (Airulliza 2012). Pengajaran yang berkesan adalah guru yang berpengalaman, berkemahiran dan berpengetahuan bagi mengembangkan minat dan kemahiran MBK dalam bidang pertanian. Tanggungjawab guru adalah merangsang minda dan memberi pengetahuan kepada

MBK masalah pembelajaran bagi memastikan mereka berjaya dalam akademik, hidup berdikari dan dapat membentuk jati diri dengan lebih baik (Haznurah Zainon & Mohd Zuri Ghani 2012).

Kesiediaan guru dilihat sangat penting dalam konteks pelaksanaan pengajaran yang menjurus kepada proses inovasi dan mempengaruhi kejayaan atau kegagalan sesuatu pengajaran dalam bidang pendidikan (Nor Sakinah 2003, Abdul Rahman 2016). Jadi, usaha pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memperkenalkan mata pelajaran Asas Tanaman ini adalah sebagai pengajaran yang menjurus kepada proses inovasi di PPKI. Hal ini selari dengan hasrat KPM melalui Bahagian Pendidikan Khas (BPK) untuk mengubah amalan pengajaran guru daripada bersifat chalk and talk kepada pengajaran yang berasaskan konstruktivisme selari dengan pendidikan abad ke- 21. Abdul Halim (2016) dalam kajiannya 'Kesiediaan guru dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam pengajaran Kemahiran Hidup Pertanian' di perak mendapati guru-guru mempunyai kesiediaan pada tahap sederhana terhadap pengajaran Kemahiran Hidup Perkebunan di PPKI. Pembelajaran murid akan terjejas sekiranya guru tidak memahami tentang kaedah yang digunakan (Jamilah 2016). Hal ini disokong oleh Ely (2009) menyatakan kewujudan kemahiran dan pengetahuan dapat membantu menjayakan pelaksanaan sesuatu pengajaran yang menghasilkan inovasi dan sebagainya

Menurut Noor Aini, Zamri dan Zahara (2012) menyatakan guru pendidikan khas tidak kreatif untuk menangani masalah murid masalah pembelajaran teruk tanpa pertuturan. Masalah ini berlaku kerana guru-guru kurang bersedia dalam aspek kemahiran dan pengetahuan terhadap pengajaran yang menggunakan kaedah pengajaran konstruktivisme. Guru perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan, pengalaman dan latihan yang mantap untuk menjadi agen perubahan bagi membantu MBK masalah pembelajaran dalam pendidikan (Mohd Razali 2008). Pengetahuan yang baik dapat membantu menambah keyakinan guru untuk membuat inovasi dalam pengajaran (Abdul Rahman, 2016). Pengetahuan sangat penting bagi seorang guru untuk pengajaran dan pembelajaran yang bermakna. Hal ini kerana pengetahuan yang banyak akan memudahkan guru menggunakan strategi pengajaran yang sesuai dengan keupayaan dan tahap perkembangan murid. Secara kesimpulan, didapati kesiediaan guru dalam aspek kemahiran dan pengetahuan adalah sangat penting bagi melaksanakan pengajaran Asas Tanaman yang berkesan dan berjaya.

Kesiediaan guru adalah faktor utama dalam memastikan keberkesanan pengajaran yang dilakukan. Namun begitu terdapat beberapa kenyataan yang menyatakan kesiediaan guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap masih kurang. Antaranya ialah Abdul Rahman (2016) menyatakan guru-guru tidak mendapat pendedahan yang secukupnya dalam bidang

pertanian Manakala Mohd Rizal dan Muallimah Arshad (2010) menyatakan beberapa orang guru PPKI mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang kurang dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Pertanian (KHP). Guru adalah sumber utama dalam sistem pendidikan kerana kejayaan dan kegagalan seseorang bergantung daripada sokongan dan peranan guru kepada murid. Proses pengajaran dan pembelajaran di Program Pendidikan Khas Integrasi akan menghadapi masalah apabila guru tidak berminat untuk mengajar dan sekaligus memberi kesan sampingan kepada murid dalam pencapaian akademik, keadaan kelas tidak terkawal dan murid hilang fokus terhadap pembelajaran Abdul Rahim Hamdan & Ahmad Faizal Ayop (2012). Namun begitu, kajian-kajian sebelum ini masih tiada yang berkaitan dengan kesiediaan guru dalam melaksanakan mata pelajaran Asas Tanaman. Dalam konteks ini pengkaji merasakan kajian ini patut dikaji bagi meninjau kesiediaan guru dalam melaksanakan pengajaran Asas Tanaman. Tambahan lagi, mata pelajaran ini masih baru.

METODE

Kajian ini merupakan kajian tinjauan menggunakan kaedah kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada 60 orang guru pendidikan khas yang mengajar mata pelajaran Asas Tanaman. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik Abdul Rahman (2016). Menurut Mitchell (1991) soal selidik adalah teknik yang paling sesuai dalam kajian yang berbentuk tinjauan. Terdapat beberapa item dalam soal selidik yang ubahsuai mengikut isi kandungan pengajaran Asas Tanaman dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas. Soal selidik terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A: Demografi Responden, Bahagian B: pengetahuan guru terhadap pengajaran Asas Tanaman, Bahagian C: kemahiran guru terhadap pengajaran Asas Tanaman dan Bahagian D: Sikap guru terhadap pengajaran Asas Tanaman. Item-item yang terdapat dalam Bahagian A mempunyai 2 soalan berkenaan dengan maklumat demografi responden, manakala item-item yang terdapat di Bahagian B mempunyai 16 item, Bahagian C mempunyai 17 item dan Bahagian D mempunyai 13 item. Bahagian B, C dan D pilihan jawapan disediakan menggunakan skala likert lima mata. Kajian rintis juga telah dijalankan bagi memastikan setiap item soal selidik yang dibina mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan. Nilai pekali kebolehpercayaan Alpa Cronbach's ialah 0.940. Kesahan pakar juga dilakukan oleh dua orang pensyarah yang berpengalaman lebih daripada 7 tahun dalam pendidikan khas dan mempunyai Doctor of philosophy. Soal selidik ditadbir sendiri oleh pengkaji dan diberikan masa untuk disiapkan dan dikutip semula. Seterusnya data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package of the*

Tabel 1: Demografi

Demografi	Kekerapan	Peratusan (%)
Pengalaman Mengajar Kemahiran Hidup Pertanian		
1-5 Tahun	34	56.7
6-10 Tahun	20	33.3
11-15 Tahun	3	5.0
16 Tahun Dan Ke Atas	3	5.0
Menghadiri kursus Asas Tanaman		
Ya	16	26.7
Tidak	44	73.3

Tabel 2: Pengkelasan tahap berasaskan skor min

Tahap	Skor min
Lemah	1.00-2.33
Sederhana	2.34-3.66
Baik	3.67-5.00

Jadual 3: Tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran Asas Tanaman dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap

No	Kesediaan Guru	Min	Interpretasi Skor
1	Pengetahuan	4.28	Tinggi
2	Kemahiran	3.83	Tinggi
3	Sikap	4.23	Tinggi
Keseluruhan		4.11	Tinggi

Science version 22.0 (SPSS 22). Analisis statistik deskriptif ini melibatkan analisis frekuensi, min dan peratus manakala analisis inferensi melibatkan Ujian Mann Whitney dan Ujian Kruskal Wallis.

HASIL DAN PEMBAHASAN

Hasil

Sebanyak 60 set soal selidik telah diedarkan kepada responden di PPKI sebuah negeri. Tabel 1 dibawah menunjukkan 60 orang responden mengikut demografi iaitu pengalaman mengajar Kemahiran Hidup Pertanian dan menghadiri kursus Asas Tanaman.

Jadual 1 menunjukkan bahawa pengalaman mengajar Kemahiran Hidup Pertanian, 34 orang mempunyai pengalaman mengajar 1-5 tahun (56.7%), 20 orang mempunyai pengalaman mengajar 6-10 tahun (33.3%), 3 orang mempunyai pengalaman mengajar 11-15 tahun (5.0%) dan 3 orang mempunyai pengalaman mengajar 16 tahun ke atas (5.0%). Berdasarkan

menghadiri kursus Asas Tanaman, 16

orang (26.7%) pernah menghadiri kursus Asas Tanaman dan 44 orang (73.3%) tidak pernah menghadiri kursus Asas Tanaman. Semua dapatan diterjemahkan mengikut skala pengkelasan tahap daripada Mohd Majid Konting (1990) mengikut tiga julat skala yang mewakili lemah, sederhana dan baik.

Kesediaan guru dalam aspek pengetahuan terhadap pengajaran Asas Tanaman menunjukkan 16 item yang dikaji berada pada tahap yang tinggi. Item yang mempunyai nilai min yang paling tinggi ialah item 13 iaitu strategi Pdp perlu berpusatkan murid dan berasaskan aktiviti (M= 4.46). Manakala item yang mempunyai min yang paling rendah ialah matlamat AT melahirkan MBKMP yang berkemahiran dalam bidang akuakultur (M=3.78). Secara keseluruhan menunjukkan bahawa kesediaan guru dari aspek pengetahuan terhadap pengajaran Asas Tanaman berada pada tahap tinggi (M= 4.28).

Kesediaan guru dalam aspek kemahiran dalam melaksanakan pengajaran Asas Tanaman menunjukkan daripada 17 item menunjukkan 3 item berada pada tahap sederhana dan 14 item berada pada tahap yang tinggi. Dalam kajian ini, item min yang tertinggi iaitu (M=4.18) iaitu saya mahir dalam memastikan murid bekeperluan khas masalah pembelajaran menyiapkan tugas dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala item min yang terendah adalah saya mahir dalam menentukan antara soalan kandungan dalam peperiksaan AT (M=3.38). Secara keseluruhan menunjukkan kemahiran guru terhadap pengajaran Asas Tanaman berada pada tahap tinggi (M=3.83)

Kesediaan guru dari aspek sikap terhadap pengajaran Asas Tanaman menunjukkan 13 item yang dikaji berada pada tahap yang tinggi. Item yang mempunyai min yang tinggi (M= 4.60) saya yakin kerjasama dan perkongsian dalam kalangan guru dapat memudahkan saya menjalankan pengajaran Asas Tanaman di sekolah. Manakala item min yang paling rendah (M=3.88) saya lebih bermotivasi untuk mengajar MBKMP dalam mata pelajaran Asas Tanaman. Secara keseluruhannya menunjukkan kesediaan guru dari aspek sikap terhadap pengajaran Asas Tanaman berada pada tahap tinggi (M=4.23).

Secara keseluruhan dapat dirumuskan bahawa tahap kesediaan guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru pendidikan khas yang mengajar mata pelajaran Asas Tanaman berada pada tahap tinggi (M=4.11). Noshidah Salleh, Aliza Alias & Zalizan Jelas (2012) menyatakan guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi sangat diperlukan dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

Dapatan kajian jadual 4 menunjukkan perbezaan pengetahuan guru terhadap pengajaran Asas Tanaman berdasarkan kehadiran kursus Asas Tanaman.

Jadual 4: Perbezaan pengetahuan guru terhadap pengajaran Asas Tanaman berdasarkan kehadiran kursus Asas Tanaman

Kehadiran Kursus Asas Tanaman	N	Min Ranking	Jumlah ranking	Mann whitney	z	Sig
Ya	16	43.09	689.50	150.500	-3.387	0.001
Tidak	44	25.92	1140.50			

Signifikan pada aras <0.05

Jadual 5: Perbezaan kemahiran guru terhadap pengajaran Asas Tanaman berdasarkan pengalaman mengajar Kemahiran Hidup Pertanian

Item	Pengalaman mengajar KHP	N	Min Ranking	Chi Square	df	Sig
Kemahiran	1-5 tahun	34	27.38	7.225	3	.065
	6-10 tahun	20	35.05			
	11-15 tahun	3	17.67			
	16 tahun ke atas	3	48.33			

Signifikan pada aras <0.05

Pembahasan

Analisis mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan bagi pengetahuan guru berdasarkan kehadiran kursus Asas Tanaman (U=150.50, N1=16, N2=44, p<0.05). Oleh itu, hipotesis nol adalah ditolak. Jadi, kehadiran ke kursus memainkan peranan yang penting dalam menambahkan pengetahuan guru terhadap pengajaran Asas Tanaman. Guru yang hadir kursus Asas Tanaman lebih berpengetahuan dan mempunyai ilmu yang tinggi berbanding guru yang tidak hadir ke kursus yang dianjurkan. Dari segi min ranking menunjukkan guru yang pernah mengikuti kursus Asas Tanaman mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi (min ranking = 43.09) berbanding guru yang tidak pernah mengikuti kursus (min ranking = 25.92). Ini menunjukkan guru yang menghadiri kursus lebih memahami isi kandungan dan objektif mata pelajaran Asas Tanaman kepada MBK masalah pembelajaran. Mereka juga mempunyai pengetahuan dalam menggunakan teknik dan kaedah pengajaran yang betul bagi melahirkan MBK masalah pembelajaran yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pertanian.

Dapatan kajian jadual 5 menunjukkan perbezaan kemahiran guru terhadap pengajaran Asas Tanaman berdasarkan pengalaman mengajar Kemahiran Hidup Pertanian. Kemahiran Hidup Pertanian adalah mata pelajaran yang diajar dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah sebelum KSSM diperkenalkan. Mata pelajaran ini berkaitan dengan pertanian sama seperti mata pelajaran Asas Tanaman. Oleh sebab

itu pengkaji mengambil kira pengalaman guru yang mengajar mata pelajaran Kemahiran Hidup Pertanian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran Asas Tanaman berdasarkan pengalaman mengajar Kemahiran Hidup Pertanian (KHP) dengan nilai chi square= 7.225 dan sig= .065, p>0.05. Ini menunjukkan hipotesis nol adalah diterima. Oleh itu, pengalaman mengajar Kemahiran Hidup Pertanian tidak mempengaruhi kemahiran guru terhadap pengajaran Asas Tanaman. Dari segi min ranking menunjukkan bahawa guru berpengalaman mengajar 16 tahun ke atas (min ranking= 48.33) mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi diikuti dengan guru yang berpengalaman mengajar 6-10 tahun (min ranking= 35.05), guru yang berpengalaman mengajar 1-5 tahun (min ranking= 27.38) berbanding guru yang mempunyai pengalaman mengajar 11-15 tahun (min ranking= 17.67). Kajian menunjukkan guru yang berpengalaman mengajar lebih lama Kemahiran Hidup Pertanian mempunyai kemahiran yang tinggi. Kemahiran Hidup Pertanian adalah mata pelajaran yang diajar sebelum mata pelajaran Asas Tanaman diperkenalkan. Pengajaran KHP adalah sama dengan Asas Tanaman iaitu berasaskan bidang pertanian, namun begitu terdapat beberapa objektif dan isi kandungan mata pelajaran yang sedikit berlainan. Akan tetapi guru yang sudah mempunyai pengalaman mengajar KHP dapat membantu dan memudahkan mereka mengajar mata pelajaran Asas Tanaman dengan baik. Ini juga disokong berdasarkan dapatan kajian lepas Noraini Khamis & Aliza Alias (2016), Abdul Rahman (2016) & Sairulbariah Ali (2017) yang menyatakan guru-guru yang berpengalaman mempunyai tahap kesediaan dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap yang tinggi berbanding guru yang kurang berpengalaman.

KESIMPULAN DAN SARAN

Kesimpulan

Berdasarkan analisis kajian yang diperolehi, dapatan menunjukkan bahawa 100% responden mempunyai tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru berada pada tahap tinggi. Walaupun begitu beberapa item dalam soal selidik menunjukkan guru-guru masih tidak bersedia dalam melaksanakan pengajaran Asas Tanaman kepada MBK masalah pembelajaran kerana terdapat beberapa item dalam kemahiran guru yang berada pada tahap sederhana. Antaranya ialah guru kurang mahir dalam membina soalan Asas Tanaman, serta guru kurang mahir dalam menyediakan borang pentaksiran untuk menilai hasil kerja murid. Ini menunjukkan kemahiran guru masih perlu diperbaiki dan perlu diberikan perhatian bagi mengelakkan pembelajaran yang tidak berkesan. Tambahan pula, mata pelajaran ini masih baru diperkenalkan pada 2017 dan masih memerlukan

penambahbaikan untuk mencapai objektif yang telah digariskan. Oleh itu program atau kursus perlu diberikan secukupnya supaya dapat memantapkan lagi kesiediaan guru dalam melaksanakan pengajaran Asas Tanaman. Hal ini disokong oleh Norfadhilah (2014) dan Mohd Hashim (2008) menyatakan bahawa bengkel dan latihan dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru. Latihan dalam perkhidmatan juga boleh dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti sebagai seorang guru dalam melaksanakan pengajaran. Pihak yang terlibat juga harus memikirkan langkah untuk melatih guru berdasarkan mata pelajaran Asas Tanaman bagi meningkatkan kandungan kursus mereka.

Guru-guru masalah pembelajaran perlu mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran dan menjadi kreatif supaya dapat menarik minat murid dalam pembelajaran (Norasmah dan Norfadhilah 2012 dan Norfadhilah 2014). Guru juga perlu mempunyai sikap yang positif dalam diri supaya bersemangat untuk mengajar dan mampu mencipta persekitaran yang kondusif. Hal ini disokong oleh kajian Shahrina dan Siti Hasmah (2010) yang menyatakan guru yang mempunyai sifat positif sentiasa bersemangat dalam pengajaran serta dapat mencipta persekitaran yang ceria. Jadi, sebagai seorang guru perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang tinggi dalam merancang pengajaran yang berkualiti. Romina et.al (2010) dan Barnet (2010) menyatakan guru perlu berpengetahuan tinggi untuk mengendalikan pelbagai kaedah dalam pengajaran. Begitu juga dengan Anne, M.Soc dan Liisa (2012) menyatakan latihan pedagogi yang diberikan kepada guru mampu mengubah cara berfikir dan sikap guru ke arah yang lebih positif. Seterusnya sampel dan lokasi kajian perlu diperluaskan supaya dapat melihat tahap kesiediaan guru terhadap pengajaran Asas Tanaman serta mengetahui kekangan yang timbul dalam melaksanakan pengajaran dengan berkesan. Selain itu guru-guru perlu memainkan peranan yang penting untuk menguasai isi kandungan mata pelajaran Asas Tanaman supaya dapat melahirkan MBK masalah pembelajaran yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertanian. Hal ini disokong oleh kajian Norshidah Mohd Salleh, Aliza Alias & Zalizan Mohd Jelas (2012) yang menyatakan guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang supaya dapat membantu murid berkeperluan khas dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Saran

Kesiediaan guru pendidikan khas dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap sangat penting untuk memastikan pelaksanaan pengajaran Asas Tanaman dapat memenuhi objektif yang ditetapkan dalam KSSM Pendidikan Khas bagi melahirkan MBK masalah pembelajaran yang mempunyai pengetahuan

dan kemahiran dalam bidang pertanian. Penyediaan kursus atau bengkel perlu disediakan secara berkala supaya meningkatkan proses pengajaran. Guru juga perlu kreatif dan mencipta suasana pengajaran yang menyeronokkan supaya dapat menarik minat MBK masalah pembelajaran belajar. Teknik penyampaian guru juga perlu diambil kira supaya memudahkan murid memahami isi pengajaran. Sekaligus membantu murid mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pertanian. Selain itu pelaksanaan pengajaran Asas Tanaman sangat penting kepada MBK masalah pembelajaran bagi menyediakan mereka kearah transisi kerjaya apabila tamat alam persekolahan kelak. Kajian ini juga membantu pihak-pihak yang terlibat membuat penambahbaikan supaya pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

DAFTAR RUJUKAN

- Abdul R. H., (2016). *Kesiediaan Pengetahuan Kemahiran dan Sikap Guru Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran Mengajar Kemahiran Hidup Pertanian*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Anne, G.P, M. Soe & Liisa R. (2012). *Evaluation of Entrepreneurial Development Coaching: Changing the Teacher's Thinking and Action on Entrepreneurship*. Annual of Innovation Entrepreneurship 3.
- Awang Lokey & M. Hasani Dali. (2016). Hubungan antara Kepimpinan Transformasional Guru Besar dengan Komitmen Guru Pendidikan Khas Integrasi Di Kedah. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan. Bil. 3, Isu 1*
- Anizam M. Y., Manisah M.A.& Amla M. S.. (2013). Pendidikan Vokasional Pelajar Berkeperluan Khas Ke Arah Memenuhi Pasaran Pekerjaan. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research, IC ICSSR 2013. 4-5 June 2013, Penang, Malaysia. E-ISBN 978-11768-1-8*.
- Anizam M. Y., Manisah M. A., & Salleh, Amla M.. (2012). Penerapan Kemahiran Keboleherjaan dalam kalangan Pelajar Berkeperluan Khas. *Paper presented at the Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012, Hotel Puteri Pasific, Johor Bahru*.
- Airulliza. (2012). *Pengaruh minat dalam amalan motivasi terhadap pembelajaran pelajar-pelajar tingkatan empat*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Cameron, H. & Nunkoosing, K. (2012). Lecturer perspectives on dyslexia and dyslexic Students within one faculty at one university in England. *Teaching in Higher Education, 17(3), 341-352*

- Fleming A.R & Fairweather J.S. (2012). The Role of Postsecondary Education in the Path From High School to Work for Youth With Disabilities. *Career Development and Transition for Exceptional Individuals 2012 35: 132*
- Hollins, E.R. (2011). Teacher Preparation For Quality Teaching. *Journal of Teacher Education. 62 (4); 395-407*
- Haznurah Zainon & Mohd Zuri Ghani. (2012). Tekanan emosi guru pendidikan khas di sekolah. *Journal of Special Needs Education, Volume 2, 2012, Pages 138 to 149*.
- Jabatan Pembangunan Kemahiran. (2012). *Panduan Pelaksanaan Dan Syarat Pentauliahahan Pusat Bertauliah Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia Berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan 2012*. Kementerian Sumber Manusia, Malaysia. 63
- Jessica Jawing. (2012). *Bangunan Harus Mesra OKU*. Terbitan Borneo Post Online Sarawak: Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya Malaysia; Kementerian Pendidikan Malaysia. www.moe.gov.my
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2011). Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia 2010. Putrajaya; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan KPT.
- Melissa, Ng L., Yen, Abdullah, & See, Ching M., (2011). Employment of people with disabilities in Malaysia: Drivers and inhibitors. *International Journal of Special Education, 26(1), 112-124*. Pelan Strategik Interim 2012. Kementerian Pendidikan Malaysia. Diperoleh pada Mei 23, 2017 daripada <http://www.moe.gov.my/pdf>
- Mohd H. A., (2008). Persepsi Pensyarah Institut Perguruan Gaya Terhadap Tahap Penguasaan dan Kemahiran ICT. *Jurnal Ilmiah Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya 1: 81-100*
- Mohd M. K.,(1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Mohd. S., Mohd. R. and Arshad, M. (2010). *Masalah Guru Pendidikan Khas Program Integrasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah, Daerah Kota Tinggi, Johor*. Masalah Guru Pendidikan Khas Program Integrasi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Kemahiran Hidup Di Sekolah Menengah, Daerah Kota Tinggi.

- Noraini I., (2013). Education for All Malaysian perspective. Selangor; Seri Kembangan.
- Norfadhilah N., (2014). Penilaian Pencapaian Objektif program pembudayaan keusahawanan (PPK) di Politeknik Malaysia. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini A., Mohd H., Mohd Y., & Nur, A. (2015). Vocational Education as a Career Pathway for Students with Learning Disabilities : Issues and Obstacles in the Implementation. *International Journal of Education and Social Science 2(3): 98-104*.
- Noor Aini, Zamri dan Zahara. (2012). Pengajaran kemahiran komunikasi bagi murid-murid bermasalah pembelajaran teruk. *Jurnal Pendidikan Bahasa melayu. 2 (2). pp. 11-18*.
- Shahrina H. & Siti H. M., (2010). Faktor penghalang penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah mengikut perspektif guru. *Institutional Repository. UTM*.